

**NGO WANITA DALAM SISTEM POLITIK MALAYSIA:
KAJIAN MENGENAI PERANAN DAN KEGIATAN
MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
WANITA MALAYSIA (NCWO)**

MAKMOR BIN TUMIN

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

MAC 2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A512499666

**NGO WANITA DALAM SISTEM POLITIK MALAYSIA:
KAJIAN MENGENAI PERANAN DAN KEGIATAN
MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
WANITA MALAYSIA (NCWO)**

ABSTRAK

Salah satu ciri sebuah sistem politik yang mengamalkan demokrasi ialah terdapatnya peranan *NGO* dalam mempengaruhi proses pembuatan peraturan (polisi dan undang-undang) dalam sistem politik berkenaan. Salah satu fungsi utama *NGO* sebagai satu struktur dalam sistem politik ialah mengartikulasi tuntutan-tuntutan satu-satu kumpulan dalam masyarakat yang diwakilinya. Di Malaysia, peranan *NGO* dalam sistem politik semakin signifikan mulai dekad 1980-an. Sebelum dekad berkenaan, peranan struktur tersebut lebih meluas dalam perkara-perkara menjaga kebijakan dan memberi perkhidmatan kepada ahli dan kumpulan sasaran tertentu.

Mulai tahun-tahun 1980-an berkenaan, *NGO* mula terlibat secara aktif di pelbagai peringkat input politik dan beberapa peringkat output politik bagi memastikan isu-isu yang menjadi keprihatinan *NGO-NGO* berkenaan diartikulasikan dengan berkesan dan langkah-langkah pemberian dilakukan bagi menangani isu-isu berkenaan. Tesis ini ialah mengenai peranan NCWO (sebagai sebuah Majlis yang menggabungkan kira-kira dua pertiga *NGO* wanita di Malaysia) mengartikulasikan pelbagai isu dan masalah yang berkaitan dengan kepentingan wanita di dalam sistem politik Malaysia.

Isu-isu dan masalah-masalah berkenaan termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan penindasan, ketidakadilan, amalan diskriminasi dan pengabaian yang mengakibatkan penganiayaan terhadap sebahagian wanita dalam tempoh sekian lama di negara ini. Antara lain, bentuk pembelaan yang dituntut oleh Majlis ini ialah

jaminan Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah bagi menangani isu-isu dan masalah-masalah berkenaan dengan menggubal dasar-dasar atau undang-undang tertentu dan mewujudkan agensi-agensi tertentu yang bertanggungjawab menangani isu-isu dan masalah-masalah berkenaan.

NCWO telah berperanan penting dan terlibat secara aktif di pelbagai peringkat input politik (mengidentifikasi isu, mengetengah dan merumuskan isu) sebelum sesuatu polisi atau undang-undang mengenai isu-isu berkenaan digubal dan seterusnya rancangan dan program mengenainya dilaksanakan. Sejajar dengan peranan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani isu-isu dan masalah-masalah wanita di negara ini, misalnya melalui penggubalan Dasar Wanita Negara 1989, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan dasar-dasar serta akta-akta yang lain.

Secara amnya, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kejayaan *NCWO* dalam mengartikulasikan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan wanita di negara ini. Antara yang terpenting ialah pemanfaatan saluran-saluran formal dan tradisional (pertalian peribadi dan perwakilan tokoh), penggunaan pendekatan bekerjasama dengan Kerajaan dan kelebihan serta keistimewaan sumber-sumber organisasi (kepimpinan, kepakaran, keanggotaan, kewangan, jaringan kerja dan dedikasi serta semangat kesukarelaan (*volunteerism*) yang tinggi).

Kajian ini memperlihatkan bahawa sistem politik Malaysia responsif terhadap tuntutan-tuntutan berkaitan isu-isu dan kepentingan-kepentingan wanita yang diartikulasikan oleh *NCWO*. Selain membuat tuntutan, *NCWO* juga turut membantu mendukung sistem politik dengan menyediakan pelbagai sumber kepada sistem politik Malaysia, yang sekaligus membolehkan sistem politik itu menjadi stabil.

WOMEN'S NGOs IN THE MALAYSIAN POLITICAL SYSTEM: A STUDY OF THE ROLE AND ACTIVITIES OF NCWO

ABSTRACT

One of the features of a political system that practices democracy is the presence of the role of NGOs in influencing the rule-making process (policy and legislation) in the system. One of the core functions of an NGO as a structure within the political system is articulating the demands of a particular group of a society that it represents. In Malaysia, the role played by NGOs in the political system started to become increasingly significant in the 1980s. Prior to this, the role of this structure covered a range of issues relating to protecting the welfare and providing services to its members and a particular target group.

From the 1980s, NGOs have been actively involved in various levels of political inputs and outputs to ensure that the issues that they are concerned with are effectively articulated and corrective steps are taken to resolve the issues. This thesis examines the role of NCWO (as a council, whose members comprise almost three quarter of all the women's NGOs in Malaysia) in articulating various issues and problems relating to women's interests in the Malaysian political system.

These issues and problems include issues relating to exploitation, inequality, discriminatory practices and neglect which results in the ill-treatment of a section of the women in this country for some time now. Among others, the form of protection sought by the Council is the assurance that the government (will) take steps to resolve these issues and problems through the formulation of specific policies or legislation and the establishment of relevant agencies responsible for resolving these issues and problems.

NCWO has played a prominent role and has been actively involved at various levels of political input (identifying, promoting and aggregating issues) before a policy or legislation affecting these issues is formulated and ensuing plans and programs are implemented. In line with this role, the government has implemented several steps to resolve the issues and problems faced by women in this country, for example the formulation of the National Policy on Women 1989, the Domestic Violence Act 1994 and other related policies and acts.

In general, there are several factors that contribute to the success of NCWO in articulating the issues which relate to women's interests in this country. Among the more important factors are the utilization of the formal and traditional channels (personal connections and elite representation), the use of cooperative approaches with the government and the distinctive organizational sources (leadership, expertise, membership, financial, networking and dedication as well as high levels of volunteerism).

This research exemplifies the responsiveness of the Malaysian political system towards the demands related to the issues and interests of women, which are articulated by NCWO. NCWO does not only make demands, it also supports the Malaysian political system by providing various sources to the system; thus enabling the political system to remain stable.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.r.

Pada kesempatan dan ruang yang terbatas ini, rasa penghargaan yang tidak terhingga saya rakamkan khas untuk Penyelia tesis ini, iaitu Profesor Dato' Dr. Firdaus Hj. Abdullah. Ilmu yang dicurahkan dan tunjuk ajar yang diberikan menjadi faktor utama membolehkan tesis ini diselesaikan. Terlalu banyak yang hendak saya cakapkan tentang sumbangan Profesor Dato' terhadap saya – yang termampu saya nyatakan di sini hanyalah Profesor Dato' bukan sahaja saya sifatkan sebagai seorang Penyelia tetapi juga ‘mahaguru’ dan ‘ayah angkat’ saya sekeluarga.*)

Beberapa individu tertentu yang lain juga terlibat mencerah ilmu dan menunjuk ajar dalam memastikan tesis ini selesai. Mereka termasuklah Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dan Puan Sri Dr. Fatimah Hamid Don. Keikhlasan mereka tidak akan terdaya saya nyatakan dengan perkataan melainkan Allah Yang Maha Esa sahaja yang mengetahuinya. Individu-individu ini sering muncul membantu saya terutama ketika motivasi saya menyiapkan penyelidikan ini menjadi lesu. Dalam situasi genting seumpama inilah individu-individu ini hadir menghulurkan bantuan.

Tidak ketinggalan dalam kumpulan ini ialah Dr. Rokiah Talib (individu yang mencetuskan idea untuk mengkaji gerakan *NGO* isu-isu wanita, khasnya *NCWO* ini). Buat pemimpin-pemimpin tertinggi *NCWO*, terutamanya Puan F.R. Bhupalan dan Puan Ramani Gurusamy, termasuk Puan Sri Fatimah sendiri, kesudian Puan memberi

* Rakaman rasa penghargaan bahawa Profesor Dato' saya sifatkan sebagai seorang ‘mahaguru’ dan ‘ayah angkat’ kepada saya sekeluarga ini juga ada dan pernah saya sebut dan ulang dalam ruang-ruang dan kesempatan-kesempatan yang lain.

kerjasama bagi menjayakan tesis ini tidak akan dapat saya balas walau dengan segunung emas sekalipun.

Seterusnya, kepada kakitangan Perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya (Perpustakaan Utama, Peringatan Za'ba, Undang-undang dan Ekonomi), Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas semua bentuk bantuan yang telah dihulurkan kepada saya. Rasa penghargaan yang tidak terhingga ini juga saya ucapkan kepada kerabat-kerabat sejabatan dan sefakulti yang secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan tesis ini – begitulah juga dengan rakan-rakan yang lain.

Tersenari agak terkebawah tetapi tetap terpahat di dalam hati rasa penghargaan yang tidak terhingga ini tidak lain dan tidak bukan dirakamkan buat isteri tersayang, Aniza bte Ismail (Ja). Berkat ketekunan, kesabaran dan ketaatan Ja dalam membantu seluruh proses pembikinan tesis ini (dari A-Znya) maka alhamdulillah tesis ini (tesis yang saya sifatkan sebagai tesis kita sekeluarga) akhirnya dapat disiapkan. Buat tiga Nur Muhammad (Nur Muhammad Akmal, Nur Muhammad Fitri dan Nur Muhammad Taufiq) – anak-anakku yang sentiasa comel dan montel – Abah memohon maaf kerana tidak dapat memenuhi tanggung jawab sebagai seorang ayah mithali sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Insyaallah, kemaafan yang dipohon di sini tidak sekadar retorik tetapi dengan insaf dibuktikan tidak akan berulang lagi. Izinkan Abah mencoretkan dua kata-kata pedoman yang telah banyak mempengaruhi kehidupan Abah.

1. Berfikirlah untuk memanfaatkan kelebihan-kelebihan yang ada pada kita, walaupun yang tinggal hanyalah satu kelebihan sahaja

2. Siapa kita pada hari ini tidak penting untuk dimenungkan tetapi ke arah mana kita sedang menuju untuk keesokan hari, itulah yang patut direnungkan.

Wassalam.

Makmor bin Tumin

Mac 2004

Susunan Kandungan

Halaman

Abstrak	ii
Abstract	iv
Penghargaan	vi
Susunan Kandungan	ix
Senarai Rajah	xiii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Kependekan	xvi

BAB 1: PENGENALAN: LATAR BELAKANG SUBJEK DAN METODOLOGI

1.1 Matlamat dan Rasional Mengkaji <i>NCWO</i>	1
1.2 Apa Itu <i>NGO</i> ?	4
1.3 Penyataan Masalah.....	7
1.4 Objektif-Objektif Kajian.....	10
1.5 Kerangka Kajian.....	11
1.6 Skop dan Metodologi Kajian...	14
1.7 Ulasan Kajian Terdahulu.....	18
1.8 Penstrukturran Bab.....	36

BAB 2: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN *NGO* WANITA DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan	42
2.2 Zaman Prapendudukan Jepun: Kesedaran Awal dan Keperluan Berpersatu.....	44

2.3	Zaman Pendudukan Jepun, 1942-1945: Agenda untuk Wanita dan Kesan/Faedah Sampingan	53
2.4	Pasca Pendudukan Jepun hingga Pengisytiharan Kemerdekaan 1957: Kesedaran Politik dan Sosial di Ambang Kemerdekaan Negara	59
2.5	Tahun-tahun Awal Kemerdekaan hingga 1980: Peningkatan Pengaruh Gerakan Emansipasi Wanita dan Keperluan Mewujudkan Jaringan Kerja	70
2.6	Jangka Masa 1981 hingga 2000: Era Kesedaran ‘Gender dan Hak-Hak Asasi’ yang Semakin Meningkat	80
2.7	Kesimpulan	88

BAB 3: *NCWO*: LATAR BELAKANG, PERKEMBANGAN DAN PROFIL

3.1	Pendahuluan	97
3.2	Latar Belakang Penubuhan	98
3.3	Signifikan dan Implikasi Penubuhan <i>NCWO</i>	105
3.4	Kepimpinan dan Komposisi Etnik	108
3.5	Keanggotaan	113
3.6	Kewangan	120
3.7	Jaringan Kerja (<i>Networking</i>)	127
3.8	Aktiviti dan Pencapaian <i>NCWO</i> Secara Umum	133
3.8.1	Tahap 1: 1963 hingga 1980	133
3.8.2	Tahap 2: 1981 hingga 2000	138
3.9	Kesimpulan	144

BAB 4: PERANAN DAN KEGIATAN *NCWO* TERHADAP KEMAJUAN WANITA DI MALAYSIA

4.1	Pendahuluan	150
4.2	Kemajuan Perundang-undangan	151

4.2.1	Undang-Undang Antarabangsa: <i>Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)</i>	152
4.2.2	Perlembagaan Persekutuan: Kebebasan Hak-hak Asasi dan Kewarganegaraan	159
4.2.3	Undang-Undang Pekerjaan: Akta Pekerjaan 1955	164
4.3	Pembuatan Dasar Berkaitan dengan Wanita: Pelaksanaan Dasar Gaji Sama, 1970	169
4.4	Agensi-Agenzi dalam Kerajaan bagi Kemajuan Wanita	182
4.5	Kesimpulan	200

BAB 5: PERANAN DAN KEGIATAN NCWO DALAM PROSES PENGGUBALAN DAN PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGARA

5.1	Pendahuluan	207
5.2	Keperluan Menggubal Dasar Wanita Negara (DWN)	209
5.3	Peranan dan Kegiatan NCWO di Peringkat Penggubalan Dasar	215
5.4	Kandungan Utama Dasar Wanita Negara	222
5.5	Pelan Tindakan Pembangunan Wanita	228
5.6	Peranan dan Kegiatan NCWO di Peringkat Pelaksanaan Dasar dan Pemantauannya	237
5.7	Pencapaian Dasar Wanita Negara	248
5.8	Kesimpulan	257

BAB 6: NCWO DAN AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA

6.1	Pendahuluan	262
6.2	Hakikat Keganasan Rumah Tangga	264
6.3	Peranan NCWO di Peringkat Penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga	269
6.4	Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Masalah Penguatkuasaan dan Pelaksanaannya	279

6.5	Peranan <i>NCWO</i> dan Keberkesan Pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	287
6.6	Kesimpulan	294
BAB 7: PENUTUP: TEMUAN-TEMUAN DAN RUMUSAN		
7.1	Temuan (Umum): Peranan Politik <i>NGO</i> Wanita Khasnya <i>NCWO</i> ...	299
7.2	Temuan (Khusus): Peranan dan Kejayaan <i>NCWO</i> dalam Mengartikulasikan Isu-Isu Berkaitan Kepentingan Wanita.....	302
7.3	Rumusan: <i>NGO</i> Wanita dalam Sistem Politik Malaysia yang Relatifnya Mengamalkan Demokrasi	307
	Apendiks	314
	Bibliografi	330
	Bahan-Bahan Terpilih.....	352

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	: Model Proses Politik dalam Sistem Politik	13
Rajah 3.1	: Struktur Organisasi <i>NCWO</i> Sesi Pertama, 1963-1965 ...	104
Rajah 4.1	: Struktur Organisasi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga	199

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 2.1	: Jumlah Pertubuhan Wanita Berdaftar Mengikut Negeri dan Kategori (1995-2000)	43
Jadual 3.1	: Jumlah Pertubuhan-pertubuhan Wanita Parti-parti Politik dan Bukan Politik yang Menganggotai <i>NCWO</i> , mulai Penggal Pertama (1963-1965) hingga Penggal Ke-17 (1998-2000).....	117
Jadual 3.2	: Peningkatan Keanggotaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Bukan Politik dalam <i>NCWO</i> (Mengikut Empat Kategori Umum) dalam Tempoh Dua Dekad.....	118
Jadual 3.3	: Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan <i>NCWO</i> bagi Tahun Perakaunan yang Berakhir pada 31 Mac 2000.....	121
Jadual 3.4	: Beberapa Projek Utama <i>NCWO</i> yang Dibiaya oleh <i>CIDA</i> (1987 hingga 1995).....	126
Jadual 4.1	: Perbezaan Gaji antara Guru Wanita dengan Lelaki Skala 3(Y) (Guru Sekolah Rendah).....	170
Jadual 4.2	: Skala Gaji Tetap bagi Guru Besar Lelaki dan Wanita dalam Lima Kategori Sekolah Menengah Penuh.....	174
Jadual 5.1	: Peratusan Taburan Pekerjaan di Malaysia Mengikut Sektor dan Jantina (Bagi Tahun 1970, 1980 dan 1990)....	211
Jadual 5.2	: Pengagihan Guna Tenaga Mengikut Pekerjaan dan Jantina (1970, 1980 dan 1990).....	213
Jadual 5.3	: Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Menggubal Memorandum Dasar Wanita Negara <i>NCWO</i>	220
Jadual 5.4	: Pelan Tindakan bagi Pengukuhan Institusi untuk Kemajuan Wanita.....	230
Jadual 5.5	: Pelan Tindakan Bagi Wanita dan Ekonomi	232
Jadual 5.6	: Suruhanjaya-Suruhanjaya Mengikut Sektor di Bawah Jawatankuasa Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara <i>NCWO</i>	238

Jadual 5.7	: Senarai Ahli Jawatankuasa Penyelaras bagi Dasar Wanita Negara NCWO mengikut Sektor.....	241
Jadual 5.8	: Suruhanjaya-Suruhanjaya Mengikut Sektor di Bawah <i>Women Watch NCWO</i>	246
Jadual 5.9	: Aspek-aspek Kemajuan Wanita dalam Dasar Wanita Negara yang Terdapat dalam Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh dan Kelapan.....	251
Jadual 5.10	: Pengagihan Guna Tenaga mengikut Pekerjaan dan Jantina bagi Tahun 1990 dan 2000.....	253
Jadual 6.1	: Bilangan Kes Keganasan Rumah Tangga yang Dilaporkan kepada Jabatan Polis Mulai Tahun 1984 Hingga 2000.....	268
Jadual 6.2	: Bilangan Kes Keganasan Rumah Tangga yang Dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Mengikut Pecahan Kaum, Sepanjang Tahun 1996-1999.....	268
Jadual 6.3	: Bilangan Kes Keganasan Rumah Tangga (Penderaan Fizikal) yang Dilaporkan kepada <i>Women's Crisis Center (WCC)</i> , mulai Tahun 1986-1997.....	269
Jadual 6.4	: Kes-kes Keganasan Rumah Tangga bagi Tahun 1997 Hingga 2001 Mengikut Kategori <i>Seizable</i> dan <i>Non-Seizable</i>	289
Jadual 6.5	: Peratus Keganasan Rumah Tangga mengikut Kategori Pelaku Keganasan Mulai Disember 1999 Hingga Disember 2001.....	292

SENARAI KEPENDEKAN

AKRT	-	Akta Keganasan Rumah Tangga
AMCJA	-	<i>All Malayan Council of Joint Action</i>
AMWF	-	<i>All Malaya Women's Federation</i>
AWAM	-	<i>All Women's Action Movement</i>
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
AWL	-	<i>Association of Women Lawyers</i>
CUEPA CS	-	<i>Congress of Union of Employees in the Public and Civil Service</i>
DAP	-	<i>Democratic Action Party</i>
FMWTU	-	<i>Federation of Malaya Women Teacher's Union</i>
HAWA	-	Urusetia Hal Ehwal Wanita @ Unit Hal Ehwal Wanita @ Bahagian Hal Ehwal Wanita @ Jabatan Hal Ehwal Wanita
HIWIM	-	Himpunan Wanita Indonesia Malaya
IIL	-	<i>Indian Independence League</i>
ISA	-	<i>Internal Security Act</i>
JAG	-	<i>Joint Action Group Against Violence Against Women</i>
JIM	-	Jamaah Islah Malaysia
KMS	-	Kesatuan Melayu Singapura
KPB	-	Kor Perkhidmatan Buruh
KPSWM	-	Kor Perkhidmatan Sukarela Wanita Melayu
LKPIM	-	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia
LSC	-	<i>Labour Service Corps</i>
MIC	-	<i>Malayan Indian Congress</i>
MLA	-	<i>Malay Ladies Association</i>

<i>MRCA</i>	-	<i>Malayan Reconstruction Co-operative Association</i>
<i>MTUC</i>	-	<i>Malayan Trade Union Congress</i>
<i>MWA</i>	-	<i>Malayan Welfare Association</i>
<i>MWFSC</i>	-	<i>Malayan Women Free Service Corps</i>
<i>MWTC</i>	-	<i>Malay Women Training College</i>
<i>MWTU</i>	-	<i>Malay Women Teacher's Union</i>
<i>MWWA</i>	-	<i>Muslim Women's Welfare Association</i>
<i>NACIWID</i>	-	<i>National Council for the Integration of Women in Development</i>
<i>NAWIM</i>	-	<i>National Association of Women's Institute Malaysia</i>
<i>NCWO</i>	-	<i>National Council of Women's Organisations</i>
<i>NGO(s)</i>	-	<i>Non Governmental Organisation(s)</i>
<i>NWC</i>	-	<i>National Women Coalition</i>
<i>PAS</i>	-	Parti Islam SeMalaysia
<i>PGPJ</i>	-	Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor
<i>PERTIWI</i>	-	Persatuan Tindakan Wanita Islam
<i>PKM</i>	-	Parti Komunis Malaya
<i>PKMM</i>	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
<i>PPSWP</i>	-	Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan
<i>PSRM</i>	-	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
<i>PWMS</i>	-	Persatuan Wanita Melayu Singapura
<i>PWPP</i>	-	Persatuan Wanita Pulau Pinang
<i>SABERKAS</i>	-	Sayang Akan Bangsa Ertinya Redza Korbankan Apa Segala
<i>SAWO</i>	-	<i>Sabah Women's Organisation</i>

<i>SIS</i>	-	<i>Sisters in Islam</i>
<i>SITC</i>	-	<i>Sultan Idris Teachers Training College</i>
<i>SUARAM</i>	-	<i>Suara Rakyat Malaysia</i>
<i>SWA</i>	-	<i>Singapore Women's Association</i>
<i>SWRA</i>	-	<i>Selangor Women's Relief Association</i>
<i>SWWS</i>	-	<i>Sarawak Women for Women Society</i>
<i>UMNO</i>	-	<i>United Malays National Organisation</i>
<i>UWA</i>	-	<i>University Women's Association</i>
<i>WAC</i>	-	<i>Women's Agenda for Change</i>
<i>WAO</i>	-	<i>Women's Aid Organisation</i>
<i>WCC</i>	-	<i>Women's Crisis Centre</i>
<i>WCI</i>	-	<i>Women's Candidacy Initiative</i>
<i>WDC</i>	-	<i>Women's Development Collective</i>
<i>WI</i>	-	<i>Women's Institute</i>
<i>WSL</i>	-	<i>Women's Service League</i>
<i>WTU</i>	-	<i>Women Teacher's Union</i>
<i>WU</i>	-	<i>Women's Union</i>
<i>YWCA</i>	-	<i>Young Women's Christian Association</i>